

**PENDIDIKAN BAHASA CINA DI KALANGAN PELAJAR  
MELAYU. SATU KAJIAN KES DI NEGERI KELANTAN**



**INSTITUT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN PENGKOMESILAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR  
MALAYSIA**

**DISEDIA OLEH:**

**HENG BUAI CHIN  
NEO KIAN SEN  
AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UiTM KAMPUS KELANTAN**

**PROF MADYA DR CHIA OAI PENG  
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA**

**SEPTEMBER 2005**

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

Diantaranya :

Prof Madya Dr Jusoh Bin Yacob  
(Koordinator Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan UiTM Kelantan)

Prof Madya Moniza Bt Abdullah @ ManMohan Kaur  
(Koordinator UPENA UiTM Kelantan)

Penyelaras Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil, Jabatan Pendidikan Kelantan  
(Penyelaras tahun 2004 dan Penyelaras tahun 2005)

Dr Mohd Sahandri Gani Bin Hj. Hamzah  
( Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan)

Hj. Rosland Bin Hussein  
( Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan)

dan

Semua pengetua, guru , ibu bapa serta pelajar yang telah memberikan kerjasama dan sokongan di dalam menjayakan penyelidikan ini.

## ISI KANDUNGAN

Bab		Muka surat
1	Pengenalan	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Permasalahan	2
1.3	Persoalan Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Signifikan Kajian	7
1.6	Definisi Beroperasi	8
1.7	Limitasi Kajian	10
2	Tinjauan Kajian Lampau	
2.1	Pengenalan	11
2.2	Kenapa Anda Menghantar Anak-anak ke SJKC ?	13
2.3	Pendidikan Bahasa Cina Di Malaysia	18
2.4	Pembelajaran Bahasa dan Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Bahasa	21
2.4.1	Faktor Umur	22
2.4.2	Faktor Tempoh Masa Pendedahan kepada bahasa itu	22
2.4.3	Faktor Sikap terhadap Bahasa dan Penutur Asli bahasa yang dipelajari	23

## **ABSTRAK**

Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) menjadi semakin popular di kalangan ibu bapa Melayu di Negeri Kelantan, bilangan pelajar Melayu di SJKC semakin bertambah ramai. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti apakah faktor-faktor pendorong yang menyumbang kepada penghantaran anak-anak Melayu ke SJKC di Kelantan. Kajian ini juga mengkaji tahap penguasaan Bahasa Cina pelajar Melayu, dan pengaruh faktor bahasa serta faktor-faktor lain ke atas pencapaian mata pelajaran Matematik dan Sains yang dipelajari dalam Bahasa Cina. Di samping itu, impak pendidikan Cina ke atas seseorang pelajar Melayu dan masalah yang dihadapi oleh pelajar Melayu di SJKC juga ditentukan.

Kajian ini merupakan satu kajian berbentuk gabungan kuantitatif dan kualitatif. Kaedah tinjauan dan temu ramah telah digunakan. Sampel kajian terdiri daripada 250 orang pelajar tahap dua yang dipilih dari tujuh buah sekolah di negeri Kelantan. Satu set borang soal selidik dijawab oleh sampel kajian, di samping itu 3 orang guru dan 3 orang ibu bapa dari setiap sekolah kajian juga ditemuramah. Pakej Perisian Statistik SPSS 12.01 diguna untuk menganalisis hasil kajian soal selidik secara deskriptif. Hasil temu ramah pula diguna untuk menyokong dan melengkapi analisis kuantitatif.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Perkembangan ekonomi Negeri China yang pesat dan stabil semenjak tahun 1990 an telah membawa satu trend pembelajaran bahasa Mandarin yang hangat di merata tempat dalam dunia. Kebangkitan China menjadi sebuah negara yang kuat dari segi ekonomi dan politik telah meningkatkan nilai ekonomi Bahasa Mandarin. Bahasa Mandarin bukan lagi bahasa komunikasi antara orang China sahaja, bahasa Mandarin telah diakui sebagai satu bahasa global yang penting. Trend pembelajaran bahasa Mandarin yang hangat bukan sahaja berlaku di Timur seperti negara Jepun, Korea dan negara-negara di Asia Tenggara. Keadaan yang sama juga telah berlaku di Barat seperti Amerika Syarikat, Britain, Perancis dan negara-negara Eropah yang lain.

### **1.2 Permasalahan**

Seperti negara lain di rantau Asia Tenggara, pembelajaran bahasa Mandarin di Malaysia juga mendapat sambutan baik daripada rakyat negara ini tidak mengira kaum. Selama ini sistem pendidikan Bahasa Cina di Malaysia boleh dikatakan paling lengkap dan paling maju di rantau Asia Tenggara. Matlamat Dasar Pendidikan Negara Malaysia